



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MINGGU SAINS NEGARA 2021 – SAINS UNTUK KESIHATAN

PUTRAJAYA, 7 APRIL 2021 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menganjurkan Minggu Sains Negara 2021 selama tujuh (7) hari bermula 1 hingga 7 April 2021 secara maya melalui portal <https://minggusainsnegara2021.com.my>. Penganjuran Minggu Sains Negara merupakan program tahunan anjuran MOSTI dengan usaha sama strategik dan sumbangan daripada 46 rakan strategik yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi, pihak sekolah, Institut Pendidikan Tinggi, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Majlis Pelancaran Minggu Sains Negara 2021 telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Hashim, Timbalan Menteri MOSTI pada 1 April 2021 manakala Majlis Penutupan Minggu Sains Negara 2021 dan Pelancaran estidotmy telah disempurnakan oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri MOSTI hari ini.

Tema penganjuran pada tahun ini adalah "Sains Untuk Kesihatan". Ini adalah bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk melonjakkan peranan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sebagai elemen utama dalam melazimi norma baharu. Sains bukan sahaja mengekang COVID-19, tetapi juga sebagai suatu gaya hidup masyarakat menerusi dunia pendigitalan.

Sebanyak lapan (8) segmen telah diwujudkan dengan pengisian kandungan seperti pameran, bengkel, forum, seminar, pembelajaran, inovasi, kuiz/cabaran dan imbasan Minggu Sains Negara 2020 yang

melibatkan seramai 33 jumlah pempamer yang terlibat dalam menjayakan Minggu Sains Negara 2021. Sebanyak 588,747 tontonan (*views*) telah direkodkan dalam platform berkenaan, walau bagaimanapun, jumlah ini dijangka bertambah dengan mengambil kira penglibatan menerusi media sosial MOSTI dan agensi dibawahnya. Sebanyak 15 sekolah yang terdiri daripada sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah berasrama penuh telah berjaya memenangi hadiah penyertaan sekolah terbanyak mengikut kategori. Senarai sekolah pemenang adalah seperti berikut:

Sekolah Rendah

- SJKT Ladang Sungai Kruit, Perak
- SJKC Min Daik, Sarawak
- SK Tenaga Setia, Johor
- Sekolah Kebangsaan Binjal, Kedah
- SK Intan Baiduri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- SK Kamil 1, Kelantan
- SK Seri Geliga, Terengganu

Sekolah Menengah & Berasrama Penuh

- SMKA Sultan Azlan Shah, Perak
- SMK Changkat Beruas, Perak
- SMK Bentong, Pahang
- SMK Chendering, Terengganu
- SMK La Salle (PJ), Selangor
- SMK Bandar Samariang, Sarawak
- SMK Balai Ringin, Sarawak
- SMJK Nan Hwa, Perak

Kesemua sekolah terbabit akan menerima hadiah pembelajaran kit sains teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) bertujuan untuk meningkatkan peluang dalam menggalakkan lebih ramai pelajar menyertai bidang STEM. Selain itu, seramai 60 orang pemenang bertuah telah terpilih bagi hadiah misteri MOSTI.

Majlis penutupan Minggu Sains Negara 2021 turut menyaksikan pelancaran *estidotmy*. Ianya merupakan majalah sains terbitan MOSTI dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) sebagai sisipan di dalam akhbar Utusan Malaysia dari tahun 2002 hingga 2012. Dalam

tempoh ini, sebanyak 114 keluaran telah diterbitkan bertujuan untuk menanamkan minat pelajar untuk mempelajari sains selari dengan objektif penganjuran Minggu Sains Negara. ASM dengan kerjasama Young Scientists Network – ASM (YSN – ASM), Malaysian Biotechnology Information Centre (MABIC), dan Science Media Centre (SMC) Malaysia memulakan langkah untuk menghidupkan kembali majalah estidotmy secara dalam talian. Usaha ini diharap menjadi dorongan untuk lebih ramai anak muda Malaysia mengambil jurusan sains di peringkat pengajian tinggi dan seterusnya memilih kerjaya di dalam bidang STEM.

Walaupun majlis pada hari ini menandakan tamatnya program Minggu Sains Negara 2021, namun orang ramai masih boleh mengakses portal maya Minggu Sains Negara 2021, <https://minggusainsnegara2021.com.my> sehingga 31 Mac 2022.

TAMAT

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
7 April 2021